

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATIN MASTURA BINTI TAN SRI DATO' MOHD YAZID

KAWASAN : KUALA KANGSAR

TARIKH : 30.3.2017 (KHAMIS)

NO. SOALAN : 127

YB DATIN MASTURA BINTI TAN SRI DATO' MOHD YAZID minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sama ada Perusahaan Otomobil Nasional (PROTON) sudah mendapat rakan strategik dalam membantu PROTON menjadi kuasa pembuat dan penjual kereta nombor satu negara semula.

Jawapan

Pemilihan rakan strategik asing adalah satu faktor penting dalam usaha untuk mencapai transformasi demi kejayaan jangkamasa panjang dan bagi memulihkan prestasi perniagaan PROTON.

Proses mengenalpasti rakan strategik telah bermula sejak bulan Jun 2016 apabila PROTON telah mengeluarkan jemputan *request for proposal* (RFP) kepada 14 syarikat pengeluar kenderaan (OEM).

Kini, proses penilaian oleh pihak PROTON dan DRB-HICOM ke atas calon-calon rakan-kongsi strategik berada pada fasa yang terakhir dan

dijangka hanya dapat dimuktamadkan dalam separuh pertama tahun 2017.

Dengan termeterai perkongsian strategik ini, ia dijangka akan meningkatkan keupayaan PROTON dari segi perkongsian teknologi, meningkatkan daya saing operasi pengeluaran dan memperluaskan pasaran.

Manfaat ini juga tidak akan terhad kepada PROTON sahaja malah kepada semua pihak yang terlibat dalam ekosistem industri automotif.

SOALAN NO. 128

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATIN MASTURA BINTI TAN SRI DATO'
MOHD YAZID
[KUALA KANGSAR]**

TARIKH : 7 MAC 2017 (SELASA)

SOALAN :

Datin Mastura Binti Tan Sri Dato' Mohd Yazid [Rasah] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYRAKAT menyatakan apakah Kementerian akan menukar syarat bagi membantu ibu-ibu tunggal penerima bantuan JKM sekiranya anak bekerja tidak mampu atau tidak mahu membantu ibu bapa mereka.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), sentiasa memberikan perhatian terhadap usaha membantu kumpulan sasaran yang memerlukan termasuk golongan ibu tunggal bagi meneruskan kelangsungan hidup melalui pemberian bantuan dan intervensi lain yang diperlukan. Bantuan kebajikan diberikan kepada mereka adalah mengikut syarat dan kelayakan yang telah ditetapkan dengan mengambilkira Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Semasa yang telah ditetapkan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Sekiranya anak bekerja tidak mampu atau tidak mahu membantu ibu bapa mereka, KPWKM berusaha membantu golongan ibu tunggal agar berdikari melalui penglibatan aktif dalam bidang keusahawanan melalui pendekatan *productive welfare* dengan pemberian Bantuan Geran Pelancaran (BGP)

dengan kadar RM2700 sekaligus. Seramai 572 ibu tunggal menerima BGP bagi tahun 2016 dengan peruntukan sebanyak RM1.99 juta. Ibu tunggal juga dibantu agar terlibat dalam program-program pembangunan kapasiti wanita melalui Program I-KIT dan I-KeuNita. Kedua-dua program tersebut menggunakan konsep inkubator atau hand holding (latih dan bimbing) di mana ibu tunggal dan wanita akan diberikan latihan kemahiran dan penyeliaan yang rapi agar mereka mampu menjana pendapatan dan meningkatkan kualiti hidup mereka sekeluarga berbekalkan pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi.

Program I-KIT dan I-KeuNita adalah merangkumi bidang seperti jahitan, kecantikan, pembuatan pastri dan asuhan kanak-kanak. Sehingga Disember 2016, seramai 219 orang peserta yang telah berjaya sebagai usahawan/ memulakan perniagaan.

Program I-KIT dan I-KeuNita dilaksanakan di seluruh negara menerusi Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN), Biro Wanita Sarawak (BWS) dan Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah (JHEWA). Keutamaan bagi menyertai program I-KIT dan I-KeuNita adalah kepada ibu tunggal dan

wanita yang dikategorikan sebagai miskin dan miskin tegar di dalam sistem e-Kasih serta penerima bantuan kebajikan JKM.

Ibu-ibu tunggal berpendapatan rendah boleh memohon untuk menyertai program I-KIT melalui 13 Pejabat-pejabat Pembangunan Wanita Negeri bagi negeri di Semenanjung Malaysia dan WP Labuan. Ibu tunggal di Sabah boleh mengemukakan permohonan menerusi JHEWA manakala ibu tunggal di Sarawak melalui BWS.